

# MSC Malaysia capai matlamat

METRO 24.10.2007 MS21

## Nilai eksport produk, perkhidmatan meningkat kira-kira RM2.7 bilion

**I**POH: Inisiatif Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) yang dilancarkan kerajaan lebih sedekad lalu, kini berkembang maju dan mencapai matlamat pelaksanaannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata inisiatif MSC Malaysia dilaksanakan dengan tujuan memacu transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berlandaskan pengetahuan selain berperanan untuk memangkinkan pertumbuhan industri ICT negara serta menggalakkan penggunaan ICT di kalangan rakyat.

"Alhamdulillah, selepas lebih 11 tahun dilancarkan inisiatif MSC Malaysia berkembang maju dan mencapai matlamat asalnya. Bilangan syarikat antarabangsa dan tempatan berstatus MSC Ma-

laysia bertambah berlipat ganda, kini jumlah mencecah lebih 1,900 syarikat. Nilai eksport produk dan perkhidmatan berkaitan ICT meningkat kepada kira-kira RM2.7 bilion.

"Di samping itu peluang pekerjaan yang ditawarkan di kawasan berstatus MSC Malaysia berkembang kini lebih 50,000 pekerjaan diwujudkan di mana 90 peratus daripadanya terdiri pekerjaan bernilai tinggi," katanya pada majlis pelancaran MSC Malaysia Cybercentre @ Meru Raya di Padang Ipoh, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Cho Ha.

Menurut Abdullah dalam

tempoh itu juga pelbagai aplikasi ICT yang memberi khidmat seperti perkhidmatan elektronik/e-perkhidmatan, pembelajaran elektronik/e-pembelajaran dan perkhidmatan kesihatan elektronik/tele-kesihatan juga diperkenalkan dengan jayanya dan rakyat Malaysia boleh berbangga dengan pelbagai pencapaian yang dibawa inisiatif MSC Malaysia.

"Namun demikian untuk membawa kejayaan itu ke tahap lebih tinggi lagi, lebih ramai rakyat Malaysia perlu dibabitkan bersama. Kawasan berstatus MSC Malaysia harus diperluaskan lagi supaya rakyat di seluruh negara dapat menikmati manfaat infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan ICT yang terjamin mutunya," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh itu kerajaan mengambil keputusan memperluaskan

kawasan berstatus MSC Malaysia ke seluruh negara.

"Perluasan itu akan dijalankan secara berperingkat bermula dengan penganugerahan status MSC Malaysia Cybercity dan MSC Malaysia Cybercentre ke kawasan yang menepati kriteria tertentu," katanya.

Beliau berkata dalam fasa pertama pelaksanaan inisiatif MSC Malaysia, sebanyak lima bandar siber sudah dibangunkan termasuk bandar raya ICT negara di Cyberjaya manakala dua bandar siber dan tiga pusat siber dibangunkan pada fasa kedua dengan Meru Raya kini menjadi pusat siber terbaru dalam keluarga MSC Malaysia.

Abdullah berkata oleh kerana ICT adalah alat dan saluran yang begitu penting dalam dunia global berlandaskan pengetahuan, ketiadaan akses boleh menjejaskan



**ABDULLAH...wujud 50,000 pekerjaan.**

kan potensi pembangunan individu, negeri, wilayah mahupun negara.

"Saya yakin jika kawasan MSC Malaysia dapat diperluaskan ke lebih banyak kawasan di seluruh Malaysia, maka infrastruktur dan budaya ICT dapat berkembang juga secara langsung. Ini juga akan dapat mengurangkan masalah jurang digital yang wujud," katanya.

Beliau berkata dengan pembangunan lebih banyak bandar siber, pusat siber dan taman teknologi di seluruh negara, persaingan untuk pelaburan dari dalam dan luar negara juga semakin sengit.

"Oleh itu saya sering menekankan agar pembangunan cybercity (bandar siber) dan cybercentre (pusat siber) dirancang dengan rapi berdasarkan kepada pengkhususan atau 'niche area' tersendiri," katanya. - Bernama